

Memperbanyak amal dan bersungguh-sungguh dalam Ibadah

Siri Hadis an-Nabawi

**النَّبِيُّ | 073
2024**

MEMPERBANYAK AMAL DAN BERSUNGGUH-SUNGGUH DALAM IBADAT

عَنْ الْمُغَيْرَةِ بْنِ شَعْبَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى انْتَفَحَتْ قَدَمَاهُ
فَقَيْلَ لَهُ أَنْكَلَفُ هَذَا؟ وَقَدْ غَفَرَ اللَّهُ لَكَ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأْخَرَ
فَقَالَ: أَفَلَا أَكُونُ عَبْدًا شَكُورًا

Daripada al-Mughirah bin Shu'bah, bahawa Nabi SAW solat sehingga kedua-dua belah kaki Baginda bengkak. Lalu dikatakan kepada Baginda, "Adakah engkau memaksa dirimu sedangkan Allah telah mengampuni dosamu yang lalu dan yang akan datang?" Baginda bersabda, "Salahkah aku ingin menjadi hamba yang bersyukur?"

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2819)

Imbas Kod QR ini untuk penerangan lanjut:

<https://muftinegeri.sarawak.gov.my> +60 82-507500

عَنْ الْمُغَيْرَةِ بْنِ شَعْبَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى انْتَفَحَتْ قَدَمَاهُ، فَقَيْلَ لَهُ أَتَكَلَّفُ
هَذَا؟ وَقَدْ غَفَرَ اللَّهُ لَكَ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأْخَرَ، فَقَالَ: أَفَلَا أَكُونُ عَبْدًا شَكُورًا.

Daripada al-Mughirah bin Shu'bah, bahawa Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam solat sehingga kedua-dua kaki Baginda bengkak. Lalu dikatakan kepada Baginda, "Adakah engkau memaksa dirimu sedangkan Allah telah mengampuni dosamu yang lalu dan yang akan datang?" Baginda bersabda, "Salahkah aku ingin menjadi hamba yang bersyukur?"

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2819)

Sudah menjadi suatu kewajipan kepada setiap hamba Allah Subhanahu wata'ala supaya melaksanakan segala ibadah kepada-Nya dengan seluruh jiwa dan raga kerana ia merupakan tujuan utama manusia diciptakan sebagaimana dalam firman-Nya:

JABATAN MUFTI SARAWAK

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: *Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepada-Ku*

(Surah az-Dzaariyat 51:56)

Allah Subhanahu wata'ala telah memerintahkan kepada kita untuk mentaati syariat-Nya sama ada berbentuk perintah maupun larangan agar dapat menjadi hamba-hamba yang bertaqwa. Hakikat taqwa ialah menjunjung segala perintah Allah Subhanahu wata'ala dan meninggalkan segala larangan-Nya. Begitu juga kita mesti merasa takut untuk tidak melaksanakan suruhan Allah Subhanahu wata'ala dan melakukan larangan-Nya. Maka ini adalah hakikat ketaqwaan yang kita perlu capai supaya dapat menjadi hamba Allah Subhanahu wata'ala yang paling mulia disisi-Nya. Firman Allah Subhanahu wata'ala:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْبَلُكُمْ

Maksudnya: Sesungguhnya yang paling mulia antara kamu di sisi Allah ialah orang paling bertaqwa (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya)

(Surah al-Hujurat 49:13)

Al-Imam al-Qadhi menyebut maksud **syukur** di dalam hadis dari *al-Mughirah bin Shu'bah* ini ialah mengetahui pemberi kebaikan iaitu Allah Subhanahu wata'ala dan berterima kasih kepada-Nya dalam bentuk ucapan dan perbuatan sebagai tanda syukur atas nikmat yang diberikan.

Imam an-Nawawi menyebut dalam syarah sahib muslim bahawa maksud **syukur** seseorang hamba terhadap Allah Subhanahu wata'ala ialah mengakui segala nikmat-nikmat itu daripada-Nya, memuji-muji atas nikmat yang diberikan dan melazimi dalam berbuat taat.

Di dalam hadis ini juga, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam menunjukkan bahawa baginda sentiasa memperbanyakkan ibadahnya sebagai tanda syukur kepada Allah Subhanahu wata'ala. Oleh itu, kita yang merupakan umat Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam, perlu mengikuti jejaknya supaya memperolehi keredaan dan rahmat Allah Subhanahu wata'ala serta menjadi hamba yang bersyukur atas nikmat yang telah diberikan terutamanya nikmat Iman dan Islam. Antara perkara yang boleh kita laksanakan dalam menambahkan amalan kita ialah:

Pertama: Bertaubat kepada Allah Subhanahu wata'ala dengan semua dosa dan kesalahan. Allah Subhanahu wata'ala juga telah memerintahkan kepada hamba-Nya untuk bertaubat dan Dia (Allah) sangat mencintai hamba-hamba yang melaksanakannya serta dijanjikan kepada mereka taubat yang diterima.

Firman Allah Subhanahu wata'ala:

وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya: Bertaubatlah kamu semua kepada Allah, wahai orang yang beriman agar kamu berjaya.

(Surah an-Nur 24:31)

فَمَنْ تَابَ مِنْ بَعْدِ ظُلْمِهِ وَأَصْلَحَ فَإِنَّ اللَّهَ يَتُوبُ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥٩﴾

Maksudnya: Maka, sesiapa yang bertaubat setelah melakukan kejahanan (mencuri) dan membaiki dirinya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.

(Surah al-Maidah 5:39)

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَقْبَلُ تَوْرَةَ الْعَبْدِ مَا مَمْ يُغَرِّغِرُ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah Ta'ala menerima taubat hamba-Nya selama nyawa belum sampai ke kerongkong

(Hadis Riwayat Ahmad, no. 6160)

Kedua: Memperbanyakkan istighfar iaitu memohon keampunan kepada Allah Subhanahu wata'ala. Perbuatan istighfar merupakan perintah Allah Subhanahu wata'ala dan Dia memberi kebaikan dan kelebihan kepada hamba-hamba yang banyak beristighfar kepada-Nya. Firman Allah Subhanahu wata'ala:

وَاسْتَغْفِرُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤٤﴾

Maksudnya: Dan mohonlah keampunan daripada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.

(Surah al-Baqarah 1:199)

فَقُلْتُ أَسْتَغْفِرُكُمْ إِنَّمَا كَانَ غَنَّارًا ﴿١٦﴾ يُرْسِلُ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِّدْرَارًا وَيُمْدِدُكُمْ بِأَمْوَالٍ وَبَنِينَ

وَيَجْعَلَ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلَ لَكُمْ أَنْهَارًا ﴿١٧﴾

Maksudnya: Sehingga aku berkata (kepada mereka), “Mohonlah keampunan daripada Tuhanmu. Sesungguhnya Dia Maha Pengampun. “(Sekiranya kamu berbuat demikian) nescaya Dia akan menurunkan hujan yang lebat dari langit padamu.” “Dan Dia mengurniakan kamu harta kekayaan dan anak pinak dan menjadikan bagi kamu kebun-kebun tanaman serta menjadikan bagi kamu sungai (yang mengalir di dalamnya).”

(Surah Nuh 71:10-12)

Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

طُوبَى لِمَنْ وَجَدَ فِي صَحِيفَتِهِ إِسْتِغْفَارًا كَثِيرًا

Maksudnya: Alangkah beruntung bagi orang yang mendapat lembarannya (buku catatan) itu istighfar yang banyak.

(Hadis Riwayat Ibn Majah, no.3818)

مَنْ لَزِمَ الْإِسْتِغْفارَ جَعَلَ اللَّهُ لَهُ مِنْ كُلِّ هَمٍ فَرْجًا، وَمِنْ كُلِّ ضِيقٍ مُّحْرَجًا، وَرَزَقَهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

Maksudnya: Sesiapa yang sentiasa memohon keampunan (beristighfar), Allah menjadikan setiap keimbangan kelapangan, setiap kesempitan jalan keluar dan memberi kepadanya rezeki yang tidak disangka-sangka.

JABATAN MUFTI SARAWAK

(Hadis Riwayat Ibn Majah, no.3819)

Taubat dan istighfar merupakan khazanah-khazanah kebaikan, pintu-pintu mendekatkan diri kepada Allah dan keberkatan serta wasilah untuk mencapai kebaikan dunia dan akhirat. Oleh itu, hendaklah kita melazimi untuk bertaubat dan memohon keampunan Allah Subhanahu wata'ala pada siang dan malam dalam kehidupan kita.

Semoga kita tergolong dalam golongan hamba Allah Subhanahu wata'ala yang sentiasa memperbanyak amal dan bersungguh-sungguh dalam melakasankan ibadah kepada-Nya. Dengan adanya perlaksanaan ini, kita menjadi golongan yang mendapat pandangan rahmat Allah Subhanahu wata'ala, yang berjaya dunia dan akhirat serta menjadi hamba yang paling dicinta-Nya. Wallahu 'alam.

